

Formula Mahathir

UM 31/10/2003 - 42 PRECISE

Rakyat Sabah terima dengan senang hati

OLEH RADZI MOHD. ZIN

RAKYAT Sabah pastinya tidak dapat melupakan jasa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang digelar 'Master of Changes' yang membawa masuk UMNO ke negeri itu pada tahun 1991.

Ini kerana bertitik-tolak daripada tindakan Perdana Menteri itu dengan sifat-sifat yang ada pada dirinya, politik Sabah yang sekian lama bergolak panjang kerana perebutan kuasa dan juga krisis pucuk kepimpinan kerajaan yang meruncing, berjaya distabilkan.

Langkah pertama Dr. Mahathir pada ketika itu ialah mencari jalan bagaimana untuk menyatupadukan rakyat Sabah khususnya kaum terbesar bumiputera Islam yang masih mencari-cari arah tempat bergantung yang kukuh.

Perdana Menteri mengetahui satu-satunya cara untuk membawa pembangunan kepada Sabah ialah dengan menyatukan rakyatnya khususnya orang Melayu sebagai kaum majoriti di negeri itu.

Cara terbaik agar kaum Melayu tidak berpecah-belah ialah dengan membawa masuk parti UMNO ke negeri itu.

Akhirnya, dengan hemah tinggi Perdana Menteri, UMNO lahir di Sabah pada 21 Februari 1991 dengan cara yang cukup unik, bersopan dan halus tanpa mendatangkan perasaan curiga kepada rakyat negeri itu.

Malah, kewibawaan Dr. Mahathir diakui oleh para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri termasuklah Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) sendiri sebagai parti yang mewakili kaum Melayu.

Apa yang membuatkan rakyat Sabah 'tersentuh' dengan cara Perdana Menteri ialah pendirian jelas beliau bahawa UMNO ke Sabah bukan untuk menjajah negeri itu, tetapi berminat membawa perubahan dan kemajuan kepada seluruh rakyat.

Ini diakui oleh bekas Ketua Menteri Sabah yang kedua dalam sistem penggiliran jawatan itu, Datuk Seri Mohd. Salleh Tun Said yang

berkata, peranan Dr. Mahathir dalam soal kemasukan UMNO ke Sabah sememangnya begitu besar bagi memastikan ia satu tindakan proaktif untuk kebaikan rakyat dan negeri itu.

Kebijaksanaan Perdana Menteri ialah apabila berjaya 'menambat' perasaan orang Sabah dengan terlebih dahulu mendapatkan restu masuk melalui USNO kerana tidak mahu memecah-belahkan Bumiputera Islam. Beliau tentukan agar USNO dibubarkan dulu supaya



SALLEH Tun Said (tengah) bersalaman dengan kakitangan Kemas serta penduduk kampung semasa merasmikan Program Kemas bersama Penduduk Kampung Tombotuan di Kota Belud.

tidak ada persaingan.

"Pada pandangan saya, kewibawaan Dr. Mahathir adalah kerana beliau cukup meneliti dan mengambil kira semua perkara serta sensitiviti orang Sabah, dengan peranan yang dimainkan oleh Tun Ghafar Baba dan Tun Datu Mustapha Datu Harun bagaimana menentukan agar kemasukan UMNO tidak lihat sebagai parti yang mahu menjajah Sabah.

'Ketuk pintu'

"Maknanya Dr. Mahathir bagi penghormatan kepada USNO dengan 'ketuk pintu' dulu sebelum masuk rumah ke Sabah," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Terengganu (MT) UMNO sejak 1995.

Perdana Menteri menentukan bukan sahaja ideologi parti itu dibawa masuk ke Sabah, tetapi turut merangkumi budaya UMNO dapat dikembangkan di negeri itu.

Selain itu, Dr. Mahathir dianggap pemimpin yang lebih memahami konsep perkongsian kuasa dan tidak bertumpu pada satu kaum sahaja. "Jadi beliau sentiasa ingatkan kita bahawa jangan tamak kuasa. Dengan formula

penggiliran, ia sebagai amaran kepada UMNO Sabah bahawa kita bukan bertujuan membolot jawatan Ketua Menteri tetapi perlu sanggup berkongsi kuasa dengan sesiapa pun. Ia bukan sekadar janji tetapi formula untuk selesaikan kemelut politik di Sabah ketika itu," katanya.

Asas penting bagi penggiliran itu ialah pertama untuk berkongsi kuasa dan kedua, untuk menentukan siapa sahaja menjadi Ketua Menteri mesti bersikap adil kepada semua kaum di Sabah. Ini sejajar dengan semangat setiakawan, muafakat dan perkongsian yang dipraktikkan oleh BN.

Kestabilan itu juga membolehkan Sabah menikmati perubahan dan kemajuan yang lebih pesat kerana menerusi UMNO dan detikat hubungan baik antara pemimpin negeri dengan pusat memudahkan permohonan untuk memajukan negeri kerana sebelum itu tugas sedemikian diserahkan kepada pemimpin Sabah sahaja.

"Pendek kata, UMNO membawa perubahan baru kepada politik dan pembangunan negeri Sabah," tambah beliau.

Barangkali ramai yang tidak mengetahui



DR. MAHATHIR dan Ketua Menteri Sabah Datuk Musa Aman tiba di Magellan Sutra Harbour Resort bagi menghadiri mesyuarat tertutup sempena lawatan sehari Perdana Menteri ke Sabah.

bahawa Dr. Mahathir juga bertanggungjawab memastikan Sabah mempunyai dasar pembangunan negeri selepas kemasukan UMNO.

Salleh yang mendedahkan perkara itu berkata, beliau telah diarah supaya merangka dasar pembangunan negeri sesuai dengan janji yang dibuat iaitu mewujudkan Sabah baru.

"Jadi saya mewujudkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Sabah (RRJPS) selama 15 tahun iaitu dari 1995-2010. Apa yang dilaksanakan sekarang ialah memberi penekanan kepada dasar itu kerana 'blueprintnya' sudah sedia ada," jelasnya.

"Bagi saya, beliau adalah pemimpin yang sangat berkarisma, bersikap terbuka dan selalunya dua langkah ke hadapan dalam tindakannya. Kita harus bersyukur mempunyai pemimpin seperti Dr. Mahathir," jelasnya.

Salleh berkata, Dr. Mahathir juga bukan hanya sebagai ketua tetapi pemimpin yang membawa rakyat ke arah yang dikehendakinya selain kaya idea.

"Sudah pasti saya akan terasa 'kehilangan' kepimpinan beliau selepas persaraannya kerana tidak ramai pemimpin dunia yang mempunyai kriteria seperti Dr. Mahathir," katanya.